



KENYATAAN MEDIA
MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR

PELAKSANAAN SPESIFIKASI MINYAK DIESEL EURO 5
BERMULA PADA 1 APRIL 2021

1. Kerajaan telah menetapkan pelaksanaan spesifikasi minyak diesel **Euro 5 bagi menggantikan minyak diesel Euro 2M bermula pada 1 April 2021**. Semua syarikat pengeluar, pembekal dan stesen minyak dikehendaki mematuhi pelaksanaan ini selaras dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel) 2007 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel) (Pindaan) 2021.
2. Tarikh asal pelaksanaan minyak diesel berspesifikasi Euro 5 adalah pada 1 September 2020. Namun atas keprihatinan Kerajaan, Jemaah Menteri pada 10 Jun 2020 telah bersetuju menangguhkan pelaksanaannya pada 1 April 2021 susulan kekangan di pihak industri dan pandemik COVID-19.
3. Pelaksanaan spesifikasi minyak diesel Euro 5 merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan status kualiti udara sepertimana yang digariskan dalam Pelan Tindakan Udara Bersih 2010 (*Clean Air Action Plan*).
4. Kualiti minyak adalah penting untuk sistem enjin dan pelepasan daripada ekzos. Enjin berteknologi baharu yang mematuhi standard pelepasan Euro 4 ke atas memerlukan minyak yang lebih bersih untuk beroperasi secara optimum dan cekap dalam mengawal pelepasan asap / gas pencemar daripada ekzos.
5. Pelaksanaan spesifikasi minyak diesel Euro 5 di seluruh negara akan dapat mempertingkatkan status kualiti udara kerana Euro 5 merupakan diesel dengan kualiti yang lebih bersih dan kandungan sulfur yang lebih rendah iaitu sebanyak 10 *part per million* (ppm) berbanding Euro 2M yang mempunyai kandungan sulfur sebanyak 500 ppm.

-Tamat-

YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man
Menteri Alam Sekitar Dan Air
31 Mac 2021